

Utama keselamatan pekerja

MMC-Gamuda belanja RM1 juta bangun pusat beri pemahaman lebih luas di tapak projek MRT

>>Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

SUNGAI BULOH: MMC Gamuda Sdn Bhd sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP) bagi projek My Rapid Transit (MRT) memperuntukkan RM1 juta bagi membangunkan Pusat Pameran Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan (She) yang pertama di negara ini.

Pengurus besarnya, Adil Putra Ahmad berkata, pusat pameran yang dibangunkan di kawasan seluas satu ekar itu antara usaha dan inisiatif PDP meningkatkan piawaian keselamatan di tapak projek pembinaan MRT pada tahap yang lebih tinggi.

"Pusat pameran ini menjadi satu-satunya di Malaysia dan MMC Gamuda memutuskan mewujudkan She sebagai sebahagian daripada inisiatif meningkatkan piawaian keselamatan di tapak projek pada tahap yang lebih tinggi

berbanding amalan biasa dalam industri pembinaan infrastruktur di negara ini.

"Objektif utama penubuhan She menyediakan pemahaman yang lebih jelas melalui ilustrasi sebenarnya menerusi komponen dalam latihan induksi kepada pengurusan kanan, perunding, kontraktor kecil dan pekerja yang terbabit dalam pembinaan projek MRT," katanya.

Beliau berkata demikian sejurus memberikan taklimat kepada sekumpulan wartawan dan jurugambar mengenai operasi pusat pameran She yang pertama diwujudkan di depot MRT Sungai Buloh bersama Pengurus She, S Vasudevan.

Adil berkata, menerusi penubuhan tapak pameran berkenaan, setiap kontraktor yang terbabit dengan projek pembinaan MRT dikehendaki memenuhi lebih 26 ciri keselamatan di dalam setiap

tapak projek pembinaan dilaksanakan mereka.

"Sekurang-kurangnya 26 ciri keselamatan perlu ditiitikberatkan mereka (kontraktor pembinaan) dan semua boleh dilihat di pusat pameran She selain menerangkan prosedur keselamatan yang betul dan perlu dipatuhi ketika pembinaan MRT.

"Ini termasuk amalan pembinaan yang baik dalam pembinaan 'A' bingkai perancah, penyimpanan bekalan yang mudah terbakar, operasi jentera sesuai, langkah perlindungan alam sekitar (bunyi dan alat pengurangan getaran serta perlindungan cerun)," katanya.

Menurutnya, pusat pameran seperti itu dimodelkan selepas amalan sama dilaksanakan di Korea Selatan dan Singapura.

"Ia berfungsi sebagai platform yang berkesan dan interaktif MMC-Gamuda se-



LAWAT...Adil Putra memberi penerangan ruang pameran She kepada wartawan di Depot MRT Sungai Buloh, semalam.

bagai PDP menangani isu secara sistematik

"Biasanya prosedur penerangan di Malaysia berhubung tahap keselamatan dilakukan secara pembentangan dengan disertakan ber-

sama gambar rajah. Selalunya kaedah ini tidak memberikan pemahaman yang komprehensif berkaitan prosedur keselamatan," katanya.

Katanya, ketika ini terdapat

lima pusat pameran keselamatan di tapak pembinaan yang dibuka kepada umum iaitu di Kota Damansara, Taman Tun Dr Ismail (TTDI), KL Sentral, Bandar Tun Hussein Onn dan Kajang.

FOTO | Mohd Yusni Ariffin